

16/04/1997

Malaysia ditawarkan empat projek besar

KUALA LUMPUR, Selasa - Mesir menawarkan empat projek besar untuk diterokai sektor swasta Malaysia sebagai langkah mengukuhkan era baru kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara.

Projek itu ialah kompleks agroindustri membabitkan keluasan 20,000 hektar di Terusan Lembah Baru; penaikan taraf limbungan kapal di Alexandria, pembangunan lembah berteknologi tinggi di Sinai, berhampiran bandar Ismailia dan pembinaan kilang penapis minyak.

Perdana Menteri, Dr Kamal Ahmed el-Ganzoury, berkata tawaran pelaburan itu adalah lanjutan usaha kerajaannya membuka pintu kepada dunia luar, terutama ahli perniagaan Malaysia untuk sama-sama membantu membangunkan Mesir.

"Selepas berjaya mengembalikan kedudukan kewangan dan ketenteraan sejak lima tahun lalu, sudah tiba masanya perhatian diberikan kepada usaha menarik pelabur asing ke Mesir.

"Apa yang dicapai Malaysia sangat menggalakkan dan mengagumkan saya untuk menjemput usahawan negara ini menyumbang dalam pembangunan kami," katanya dalam sidang akhbar sempena lawatan tiga hari ke Malaysia, di sini, hari ini.

Hadir sama, delegasi Kerajaan Mesir membabitkan menteri, pegawai kanan serta wakil medianya. Turut hadir, Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ali Rustam, mewakili kerajaan Malaysia.

Dr Kamal berharap akan wujud lebih banyak lagi perjanjian usaha sama selepas lima perjanjian yang ditandatangani semalam, bagi mengukuhkan hubungan diplomatik serta meningkatkan perdagangan dua hala kedua-dua negara.

Semalam Dr Kamal dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menandatangani lima perjanjian membabitkan Jaminan Pelaburan, Pengangkutan Udara, Pengelakan Cukai Dua Kali, Kerjasama Pelancongan serta Memorandum Persefahaman antara Pusat Promosi Mesir dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Antarabangsa Malaysia.

Dr Kamal berkata, Kerajaan Mesir akan menggubal undang-undang pelaburannya bagi memastikan kepentingan pelabur asing di negara itu, sentiasa terjamin dan dilindungi.

(END)